

## KELANTAN

# Pesta Thai Kelantan jalin kerjasama dua negara

**KOTA BHARU-** Konsul Thai Kelantan akan menganjurkan 'Pesta Thai Kelantan 2015' akhir bulan depan bagi mempromosikan masakan, makanan, produk kraf tangan dan kebudayaan.

Penganjuran acara tahunan ini adalah untuk menjalin kerjasama antara Thailand dengan Kelantan khususnya dan Malaysia amnya.

Pesta Thai adalah amat popular di Kelantan terutama makanan Thai dan pihak Konsul Thai di Kelantan amat bangga untuk menganjurkan pesta yang sama untuk kali ke-17 di negeri ini. Seramai 80 usahawan makanan dan bidang lain akan menjayakan program yang akan menghidupkan pesta yang bersejarah itu.

Acara tahunan yang bermula sejak 17 tahun yang lalu itu menyaksikan kemeriahan dan suasana yang menyemarakkan dengan persembahan masyarakat Thailand dengan pelbagai masakan halal dan makanan bukan Islam oleh pengusaha makanan yang akan menghidangkan masakan popular di negara itu.

Konsul General Thailand di Kelantan, Jackrid Kanjanasoon



**JACKRID KANJANASOON**

berkata, Pesta Thai Kelantan 2015 akan bermula pada 29 Januari hingga 4 Februari di Dataran Stadium Sultan Muhammad ke-IV, di sini yang dijangka melibatkan 100 pengusaha makanan khususnya dari Selatan Thai.

"Aktiviti perniagaan dan program lain merupakan platform untuk mememarkannya pesta Thai yang membolehkan rakyat Kelantan dan pelancong berpeluang beli belah atau menikmati pelbagai juadah halal dan makanan untuk bukan Islam serta pelbagai produk.

"Ia merupakan satu sumbangan dari masyarakat Thai untuk menjadikan Kota Bharu dan masyarakatnya berpesta dengan gaya hidup yang

mesra dan harmoni bagi memupuk semangat setia kawan antara rakyat yang berjiran," katanya.

Beliau berkata, sebilangan besar peserta dalam program perniagaan produk khususnya makanan merupakan penduduk Muslim Selatan Thai yang diberi peluang untuk memasarkan produk mereka makanan dan hasilnya akan menjadi milik mereka seratus peratus.

Program yang sama juga diadakan di Terengganu dan Penang selepas selesai acara itu di Kelantan dan pada tahun 2013 pesta Thai di Kota Bharu telah mendapat sambutan melebihi 30,000 orang pengunjung sepanjang acara itu berjalan yang menghasilkan jualan bernilai RM1.9 juta.

Manakala pegawai Konsul Thai Kelantan, Joey Tong, berkata pesta Thai kali ini dijangka lebih meriah berikutan persembahan dan pasaran barangan dari pengusaha Thai itu mungkin ada perubahan berbanding dengan sistem yang sedia ada yang mementingkan keperluan para pengguna di Kelantan khususnya.